

09 MAY 2001

St Lucia-Lawatan

PERDANA MENTERI ST LUCIA LAWAT MARDI

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri St Lucia Dr Kenny Davis Anthony yang sedang melakukan lawatan empat hari ke Malaysia telah melawat ibu pejabat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), di Serdang, dekat sini hari ini.

Ketibaan Dr Anthony bersama-sama lima anggota delegasinya disambut oleh Ketua Pengarah Mardi Dr Saharan Haji Anang.

Turut sama dalam lawatan itu ialah Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Latiff Ahmad selaku menteri pengiring dan Duta Malaysia ke St Lucia Datuk John Tenawi Nuek.

Ketibaan Dr Anthony di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pagi tadi disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Sebelum melawat Mardi beliau dibawa melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Malam ini, Syed Hamid akan mengadakan majlis makan malam untuk Dr Anthony dan anggota delegasinya.

Esok, Perdana Menteri St Lucia itu dan delegasinya akan mengadakan mesyuarat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta melawat Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Putrajaya.

Beliau juga akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah di Istana Negara sebelum bertolak ke Langkawi pada hari Jumaat untuk meneruskan aturcara lawatannya.

Pada hari Sabtu, Dr Anthony dan delegasinya akan melawat Menara Kembar Petronas di sini sebelum berlepas pulang.

-- BERNAMA

MHI AHH nmo